

Berita Harian, 28/12/2020, M/S 19

# Nasional

# Kalendar sukan tanah air terjejas

## Persiapan latihan atlet, kejohanan semua peringkat ditangguh akibat COVID-19

Oleh Helmi Talkah  
helmi.talkah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pandemi COVID-19 turut memberi kesan terhadap kalendar sukan tanah air bagi 2020, bukan sahaja persiapan dan latihan atlet terpaksa ditangguhkan, malah pelbagai kejohanan tempatan dan antarabangsa turut ditunda atau dibatalkan.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac lalu memaksa pelbagai kejohanan tempatan dan antarabangsa ditunda atau dibatalkan, termasuk Sukan Olimpik Tokyo yang dijadual pada Julai lalu ditangguhkan ke tahun depan.

Penganguhan itu sedikit sebanyak menjejaskan mental dan motivasi atlet negara yang semangannya menanti aksi pada temasya terbesar dunia itu. Namun, ada hikmah kerana mereka mempunyai tempoh lebih panjang bagi membuat persiapan khususnya bagi merealisasikan impian meraih pingat emas pertama di Tokyo.

Selain itu, Sukan Malaysia (SUKMA) ke-20 yang juga dijadualkan pada Julai lalu turut menjadi 'mangsa' COVID-19. Ia pada mulanya ditangguhkan kepada April tahun depan, tetapi kemudian pengajuran edisi ke-20 itu dibatalkan.

Sepanjang PKP, atlet diarahkan pulang ke kampung halaman dan sepanjang tempoh itu, mereka perlu membiasakan diri dengan norma baharu apabila menjalani latihan secara dalam talian.

Bagaimanapun, ketika fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), kerajaan memberi kelonggaran khas apabila semua atlet di bawah Program Road to Tokyo (RITT) dibenarkan men-



lani latihan bermula 1 Jun sebagai persiapan untuk menghadapi Sukan Olimpik dan Sukan Paralimpik Tokyo.

Ia disusuli kebenaran latihan menerusi pendekatan kuarantin (*quarantine based approach*) buat semua atlet di bawah program Majlis Sukan Negara (MSN) bermula Julai lalu.

Di sebalik kesan yang dialami akibat pandemik COVID-19, kalendar sukan negara 2020 turut merakam beberapa detik penting termasuk sejarah yang mengharumkan nama Malaysia di pentas antarabangsa. Paling mencuri tumpuan sudah pasti kelibat bintang bola sepak muda negara, Luqman Hakim Shamsudin.

Luqman mencipta sejarah menjadi pemain Malaysia pertama diturunkan beraksi dalam liga utama di Eropah selepas menandatangani kontrak lima tahun bersama kelab Belgium, KV Kortrijk dan diturunkan se-

bagai pemain gantian ketika menentang Anderlecht, 24 Oktober lalu.

Penyerang Johor Darul Ta'zim (JDT), Safawi Rasid mengikut jejak Luqman berkelana ke Portugal apabila menandatangani kontrak secara pinjaman bersama Portimonense SC pada Oktober lalu, tetapi bakal menamatkan kontraknya lebih awal dan pulang ke pangkuan JDT.

Saingan bola sepak tempatan pula menyaksikan JDT mencipta sejarah tersendiri apabila dinobatkan juara Liga Super buat kali ketujuh berturut-turut musim ini. Saingan Liga Super sebelum itu ditangguhkan selama lima bulan akibat pandemik COVID-19.

Nasib malang menimpa saingan Piala Malaysia apabila ia berlangsung 'sekerat jalan' sebelum dibatalkan susulan arahan kerajaan yang kembali mengenakan PKPB di seluruh Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya pada Oktober lalu.

Sukan badminton pula menyaksikan pemain perseorangan lelaki negara, Lee Zii Jia di landasan tepat bagi mengembackikan 'bisa' Malaysia pada acara itu sejak Datuk Lee Chong Wei bersara apabila dia mara ke separuh akhir Seluruh England, Mac lalu.

Bagaimanapun, momentum Zii Jia turut terkesan susulan penganguhan semua kejohanan antarabangsa selepas itu dan dia dijadual menyertai kejohanan pertama selepas 10 bulan pada



### TOKYO 2020

Sukan Olimpik Tokyo ditangguh ke tahun hadapan akibat COVID-19.



Atlet angkat berat SUKMA Wilayah Persekutuan tetap meneruskan latihan dalam norma baharu. (Foto BERNAMA)

saingan Yonex Terbuka Thailand dan Toyota Terbuka Thailand di Bangkok, bulan depan.

Pengajuran perlumbaan Le Tour de Langkawi 2020 (LTdL) turut merekodkan sejarah pengajuran apabila Team Sapura Cycling (TSC) dinobatkan juara keseluruhan dan pelumba tempatan, Muhammad Nur Aiman Mohd Zariff muncul pelumba negara pertama menyarung jersi Merah (Raja Bukit).

Tidak cukup dengan itu, TSC turut bergelar juara Asia apabila meraih ranking pertama Jelajah Asia dan di tangga ke-27 keseluruhan pasukan terbaik dunia untuk musim 2020.

Jaguh basikal trek negara, Azizulhasni Awang melakar nama dan sejarah tersendiri apabila meraih dua gangsa di Kejohanan Berba-

sikal Dunia di Berlin, Februari lalu pada acara pecut dan keirin.

Malah, pelumba dari Terengganu itu membuktikan kayuhannya tetap berbisa biarpun hampir 10 bulan tidak beraksi dalam saingan kompetitif apabila meraih emas acara keirin pada Kejohanan Berbasikal Kebangsaan Australia di Brisbane, minggu lalu.

Kejayaan itu bukan sahaja penutup 2020 yang gemilang buat Azizulhasni, malah turut meletakkan dia di landasan tepat sebagai sandaran utama kontinjen negara bagi meraih emas pada Sukan Olimpik Tokyo.

Bagi sukan permotoran, insiden membabitkan pelumba Moto2 negara, Hafizh Syahrin Abdullah yang terselamat selepas terbabit kemalangan pada awal perlumbaan Grand Prix (GP) Austria, pasti antara tidak dapat dilupakan.

Selain itu, keputusan seorang lagi pelumba negara, Khairul Idham Pawi mengorbankan jari kelingking demi meneruskan kerjaya dalam dunia permotoran mengejutkan ramai, namun akhirnya kontrak pelumba dikenali sebagai SUPER KIP itu ditamatkan pasukan PETRONAS Yamaha SRT.

Kalendar sukan 2021 negara dijangka kembali rancak selepas kerajaan sebelum ini mengumumkan pembukaan semula sektor sukan dan rekreasi, termasuk pengajuran Piala Malaysia secara berfasa berkuat kuasa 1 Januari ini kecuali di kawasan PKP Di-perketatkan (PKPD).



Luqman Hakim memperagakan jersi KV Kortrijk bersama pemilik kelab KV Kortrijk, Tan Sri Vincent Tan. (Foto Aizuddin Saad /BH)

Safawi beraksi bersama kelab Portimonense.



Zii Jia menjadi tumpuan pemain perseorangan lelaki negara.



Hafizh Syahrin terbabit nahas pada awal perlumbaan Grand Prix (GP) Austria.



Azizulhasni (tengah) meraih emas acara keirin pada Kejohanan Berbasikal Kebangsaan Australia di Brisbane, minggu lalu.